



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

EKSPLORASI BIODIVERSITI CFS JOHOR PERKUKUH PEMULIHARAAN HUTAN NEGARA

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah menganjurkan Eksplorasi Biodiversiti di Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) Hutan Simpan Lenggor dan Hutan Simpan Mersing, Johor bermula 18 hingga 22 Mei 2026 sebagai langkah strategik memperkukuh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti negara.

Majlis perasmian pembukaan eksplorasi tersebut telah disempurnakan oleh YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang menegaskan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan kelestarian khazanah hutan negara melalui pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine 2022 (PIRECFS 2022).

Eksplorasi biodiversiti ini merupakan penganjuran julung kali di bawah inisiatif PIRECFS 2022 untuk mengumpulkan data saintifik berkaitan status semasa kesihatan hutan serta taburan biodiversiti flora dan fauna di kawasan RE CFS di Semenanjung Malaysia.

Pendekatan ini sekaligus dapat membantu pihak jabatan memahami kefungsiian dan ketersambungan koridor hutan melalui pemantauan biodiversiti secara komprehensif. Program ini turut membantu usaha pemeliharaan habitat serta pengurusan bersepadu sumber biodiversiti negara secara lebih sistematik dan mampan.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 120 peserta terdiri daripada penyelidik, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pakar pelbagai disiplin termasuk bidang ekologi, flora, fauna, geologi, sosio ekonomi, bioinformatik dan kecerdasan buatan. Penglibatan rentas sektor ini mencerminkan pendekatan bersepadu yang melibatkan keseluruhan jentera kerajaan, masyarakat dan negara dalam agenda pemuliharaan biodiversiti negara.

Melalui eksplorasi ini, data saintifik berkaitan status semasa biodiversiti flora dan fauna yang terdapat di Rangkaian Ekologi CFS khususnya di Hutan Simpan Lenggor dan Hutan Simpan Mersing akan dikumpulkan bagi memperkukuh perancangan serta pelaksanaan inventori biodiversiti secara sistematik pada masa hadapan.

Majlis turut menyaksikan pemeteraian Surat Hasrat (LoI) antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bagi pembangunan Living Lab Central Forest Spine Kluang dan Mersing, Johor. Kerjasama strategik ini dijangka memperkukuh penyelidikan, pendidikan, inovasi serta pembangunan kapasiti berkaitan pemuliharaan biodiversiti negara.

Pada masa sama, Program Sahabat CFS turut diperkenalkan sebagai platform strategik memperkukuh penglibatan komuniti setempat dalam usaha menjaga, memantau dan melindungi kawasan rangkaian ekologi daripada ancaman seperti pencerobohan hutan, pemburuan haram dan konflik hidupan liar.

JPSM akan terus memperkukuhkan pelaksanaan PIRECFS 2022 melalui kerjasama erat bersama kerajaan negeri, jabatan dan agensi berkaitan, institusi akademik, pihak swasta, NGO serta komuniti tempatan bagi memastikan khazanah biodiversiti negara terus terpelihara demi kesejahteraan generasi masa hadapan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
19 MEI 2026

